



**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO  
SAMBUTAN ULANGTAHUN KE 30  
BANDARAYA BERKEMBAR IPOH - FUKUOKA - JEPUN**

---

**1. BUTIRAN PESERTA**

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

Jantina : Lelaki / Wanita (gariskan yang berkenaan)

Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

E-mail : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

**2. PERAKUAN PESERTA**

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga mengambil maklum dan memahami bahawa penyertaan saya adalah terbatal secara serta merta jika saya melanggar mana-mana peraturan yang telah digariskan. Saya juga bersetuju bahawa hasil reka cipta akan menjadi hakmilik MBI sepenuhnya dan MBI berhak untuk meminda atau menggunakan logo tersebut.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan

\_\_\_\_\_  
Tarikh

## **SYARAT PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO**

### **1. Syarat Dan Terma Pertandingan**

- a) Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua penduduk wargakota Ipoh;
- b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walaubagaimanapun hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.;
- c) Semua reka bentuk logo hendaklah asli dan tidak ditiru / diciplak dari mana-mana logo tempatan atau antarabangsa; dan
- d) Semua logo yang diterima oleh Urusetia akan menjadi hakmilik Majlis Bandaraya Ipoh dan tidak akan dikembalikan. MBI berhak ke atas logo yang terpilih samada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan atau dicetak dalam acara atau majlis rasmi MBI

### **2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO**

- a) Reka bentuk logo mestilah asli dan baru serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung sensitiviti mana-mana pihak;
- b) MBI tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan dari pihak ketiga. Penyertaan juga akan terbatal sekiranya didapati hasil karya dikemukakan tidak asli / ciplak;
- c) Logo hendaklah dihasilkan dengan menggunakan kertas bersaiz A4 berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal 'mounting board' dan juga menghantar bersama 'softcopy' menggunakan format Adobe illustrator atau JPEG dengan resolusi yang tajam yang menggunakan software terkini yang bersesuaian;
- d) Keterangan atau penceritaan / penjelasan mengenai reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan hendaklah diberikan (Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris);
- e) Setiap reka cipta logo adalah diwajibkan tidak menggunakan warna yang melebihi ( 5) lima jenis warna;
- f) Perkataan '**Ipoh City and Fukuoka City**' hendaklah diletakkan pada rekabentuk logo
- g) Menggambarkan identiti hubungan dua hala diantara Bandaraya Ipoh dan Fukuoka yang telah memasuki 30 tahun; dan
- h) Reka bentuk hendaklah kemas dan jelas serta mencerminkan tema logo.

### **3. BORANG PENYERTAAN**

- a) Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan. Borang penyertaan boleh diperolehi dari laman web MBI [www.mbi.gov.my](http://www.mbi.gov.my) atau dari Kaunter 1 Serve MBI , Kaunter di Perpustakaan Tun Razak ataupun Kaunter Informasi di UTC Perak;
- b) Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu:-
  - i. Nama penuh;
  - ii. Nombor kad pengenalan;
  - iii. Alamat penuh;
  - iv. No. telefon; dan
  - v. Penyertaan dalam bentuk 'hardcopy' dan 'softcopy' bolehlah dihantar melalui pos atau hantaran tangan (dalam format ai atau jpeg
- c) Tarikh tutup penyertaan adalah **28 Februari 2019**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan dan dinilai oleh pihak Urusetia. Setiap penyertaan hendaklah dialamatkan ke alamat berikut;

Urusetia Pertandingan Mereka Cipta Logo  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Tingkat 8, Wisma Bougainvillea  
Jalan Foo Choo Choon, 30000, Ipoh

- d) Pastikan di sebelah kiri sampul surat tertera 'Pertandingan Merek Cipta Logo Sambutan Ulangtahun Ke 30 Bandaraya Berkembar Ipoh - Fukuoka – Ipoh; dan
- e) Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri

### **4. BENTUK PENILAIAN**

- a) Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima; dan
- b) Penilaian akan dibuat melalui penelitian terhadap kesesuaian rekabentuk dan penjelasan rekabentuk

### **5. PANEL PENILAI**

- a) Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang melibatkan pilihan pihak urusetia dan juga perwakilan dari Bandaraya Fukuoka;
- b) Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan MUKTAMAD oleh Panel Penilai;
- c) Panel Penilai berhak membatalkan penyertaan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan; dan
- d) Logo yang dipilih akan digunapakai dan menjadi hakmilik MBI sepenuhnya.

**6. HADIAH**

- a) Hanya satu reka bentuk logo sahaja yang akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini;
- b) Pemenang akan menerima wang tunai yang berjumlah Ringgit Malaysia Seribu sahaja (**RM1000.00**) berserta dengan Sijil Penyertaan untuk Johan dan Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja (**RM200.00**) berserta dengan Sijil Penyertaan bagi tempat kedua dan ketiga;
- c) Semua pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urusetia melalui telefon atau emel dan Nama pemenang akan dimuatnaik dalam portal MBI;
- d) Majlis Penyampaian Hadiah akan dilangsungkan dalam satu majlis yang akan dimaklumkan kemudian